



**AZMAN** (dua kiri) bersama Shahfarhan, Noor Shakira (kiri) dan Juvini.

# Shahfarhan Ra'as wakili Labuan ke Pidato 1Malaysia

UB 25.4.2018 A3

LABUAN: Graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Shahfarhan Ra'as akan mewakili Wilayah Persekutuan Labuan ke Pertandingan Pidato 1Malaysia Negaraku Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di wilayah ini pada Ogos depan.

Beliau yang mengambil jurusan Kewangan Islam pada 2016 di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dipilih selepas muncul johan pertandingan itu di peringkat Labuan yang diadakan di Dewan Kuliah Utama, Institut Latihan Perindustrian (ILP).

Dengan kemenangan itu, Shahfarhan meraih RM1,500, piala dan sijil penyertaan selepas menyampaikan pidato bertajuk 'Malaysia Negara Makmur dan Berjaya'.

Naib johan dan tempat ketiga masing-masing dimenangi Noor Shakira Mohd Hasli

dan Juvini Chiah Maipel sekaligus menerima RM1,000 dan RM500.

Sementara tempat keempat, kelima dan keenam dimenangi Shaelayani Mohd Hasli, Mohd Dzulfaizal Abd Manan dan Muhammad Izzat Amirul Mohamed masing-masing meraih RM400.

Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan Azman Sipan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Pertandingan Pidato 1Malaysia 2018 dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia Labuan Rohani Harithuddin, Pengarah Jabatan belia dan Sukan (JBS) Labuan Hazzan Mohd Dahari dan wakil Pengarah ILP Labuan Morsidi Mokhtar.